



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)

Hanya dibuka untuk pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sahaja.

**PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
(SUPERSCALE A / B / C)
PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI

**PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

SUPERSCALE A (\$9,500 EB KHAS \$9,710 SEBULAN)

SUPERSCALE B (\$8,000 EB KHAS \$8,210 SEBULAN)

SUPERSCALE C (\$6,800 EB KHAS \$7,010 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Aeronautical Engineering / Artificial Intelligence and Robotics / Computational Modelling / Computing (Data Analytics) / Economics / Electrical and Electronics Engineering / Materials Engineering / Mathematics / Mechanical Engineering / Mechatronic and Robotic Engineering / Mechatronics Engineering / Product Design / Robotic / Science / Strategies Studies* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. BAGI TANGGA GAJI SUPERSCALE A

- a) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Pengarah atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji *Superscale B* atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji *Superscale C* atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji *Superscale B* atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji *Superscale C* atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

3. BAGI TANGGA GAJI SUPERSCALE B

- a) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Pengarah / Penolong Pengarah atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji *Superscale C* atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

ATAU



- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji *Superscale* C atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.

4. **BAGI TANGGA GAJI SUPERSCALE C**

- a) Telah berkhidmat di Kementerian Pertahanan sebagai Penolong Pengarah atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.
- 5. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "**Program Pembangunan Eksekutif**" di Institusi-Institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus yang sebanding.
 - 6. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- 1. Bertanggungjawab untuk menerajui hal ehwal pengurusan projek dan penyelidikan dan perkembangan di bawah Pusat Penyelidikan dan Perkembangan Sains dan Teknologi (P3ST);
- 2. Bertanggungjawab dalam segala hal ehwal projek-projek perolehan keupayaan pertahanan strategik masa depan dan dalam penyelidikan dan perkembangan saintifik pertahanan;
- 3. Memastikan program perkembangan dan pemodenan ketenteraan dilaksanakan selaras dengan kehendak dan keperluan perancangan strategik Kementerian Pertahanan
- 4. Menerajui dan memastikan P3ST mencapai visi dan misi yang selaras dengan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); dan
- 5. Mengurus, memimpin dan mendukung pegawai-pegawai serta kakitangan P3ST supaya mencapai visi dan misi yang diamanahkan.